

**"Terdedah kepada pelbagai kaedah rawatan ketika di sekolah membuatkan saya lebih dekat dengan kerjaya yang membantu masyarakat"**

**Prof Dr Zamberi Sekawi**

**METROAHAD**



**INGIN kongsi kepakaran.**



**KETIKA berkhidmat di luar negara.**



**BERSAMA kakitangan UPM.**

# ZAMBERI KAJI VIRUS NIPAH

Pernah dihalau pensyarah ketika urus pesakit

## KARISMA

**Aniza Zainudin**

anizazainudin@hmetro.com.my

**Serangan** virus Nipah kali pertama di Ipoh, Perak sebelum tersebar luas di Negeri Sembilan sekitar 1998, membuatkan Prof Dr Zamberi Sekawi tertarik untuk mendalami ilmu berkaitan mikrobiologi termasuk virus dan bakteria.

Menerbitkan simptom seperti virus Japanese Encephalitis (JE) yang membabitkan ladang ternak babi, pakar patologi ini mengambil masa beberapa bulan untuk mengenal pasti virus berkenaan.

"Kes itu sebenarnya bermula di Ipoh, kemudian ia tersebar di ladang Negeri Sembilan kerana penternak membeli babi dari ladang yang terkena jangkitan virus berkenaan.

"Untuk lebih spesifik, kes itu terjadi di Kampung Sungai Nipah, Port Dickson, justeru ia dinamakan virus



**SEBAR** kempen kesedaran dalam masyarakat.



**TAMBAH** pengetahuan itu semasa ke semasa.

## PROFIL

**NAMA:** Prof Dr Zamberi Sekawi  
**JAWATAN:** Presiden Persatuan Penyakit Berjangkit & Kemoterapi Malaysia  
**LAHIR:** 13 November, 1969  
**ASAL:** Kuching, Sarawak  
**ISTERI:** Norharlina Bahar  
**ANAK:** Mohd Zaim (19), Mohd Zamir (17) dan Mohd Ziad (15).  
**KELULUSAN:** Sarjana Patologi UKM



## METROAHAD

**PERSIDANGAN**  
membolehkan  
perkongsian idea



FOTO: HALIMATON SAADIAH SULAIMAN

Nipah sempena lokasi jangkitan virus itu.

"Hasil penyelidikan mendapati keluang adalah pembawa virus ini yang datang ke ladang di Ipoh ketika musim mangga berbuah, sebelum ia berjangkit ke haiwan di ladang berkenaan," katanya ketika ditemui di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selain virus Nipah, Presiden Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia (MSIDC) ini menyifatkan kes Enterovirus 71 yang mengakibatkan empat kematian kanak-kanak di Sibul, Sarawak, sekitar penghujung 1990-an antara kejadian menggemparkan penduduk tempatan.

Melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Patologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1998, Zamberi melihat subjek bakal dikuasainya itu boleh membantu komuniti untuk mengenal pasti mikrobiologi yang membawa pelbagai penyakit berjangkit di seluruh dunia.

Berkongsi sejarah kehidupannya, Timbalan Dekan Akademik Perubatan UPM ini dilahirkan dalam keluarga sederhana yang mementingkan aspek kecemerlangan dalam pendidikan.

"Bapa saya anggota polis manakala arwah ibu pula suri rumah sepenuh masa. Sebagai anak sulung daripada empat beradik, saya dijadikan suri teladan (role model) untuk adik-adik.

"Dididik dengan penuh disiplin, saya tidak sahaja fokus pada bidang akademik bahkan aktiviti kokurikulum terutama Persatuan Bulan Sabit



KELUARGA bahagia Zamberi.

Merah (PBSM) hingga membangkitkan semangat saya untuk bergelar doktor.

"Terdedah kepada pelbagai kaedah rawatan ketika di sekolah membuatkan saya lebih dekat dengan kerjaya yang membantu masyarakat.

"Oleh itu, saya menolak tawaran melanjutkan pengajian ke seberang laut dalam bidang kejuruteraan sebaliknya kekal di Kuching apabila memasuki matrikulasi," ceritanya.

Perlu merebut 150 kerusi dengan 600 pelajar Fakulti Sains Hayat di UKM untuk mendapatkan tempat bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan, lelaki berusia 47 tahun ini terpaksa bersenggang mata mengulang kaji pelajaran demi memenuhi impiannya bergelar doktor.

Tempoh lima tahun untuk mendapatkan pengiktirafan, Zamberi menyifatkan pengalaman sepanjang tempoh klinikal pada tahun empat hingga enam sebagai memori yang

tidak boleh dilupakan sebagai mahasiswa.

Berdepan dengan pesakit sebenar jauh berbeza dengan pengajaran teori di kelas. Jelasnya, pengalaman di wad mengajar mengenai kemahiran berkomunikasi dengan pesakit sambil mengambil kira keadaan jasmani mahupun akhlah mereka.

Pernah dihalau dari wad oleh pensyarah, Zamberi tidak mudah melatah sebaliknya mengajar dirinya lebih peka dan bersedia untuk berurusan dengan pesakit.

Menamatkan pengajian pada 1994, Zamberi berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sebagai pegawai perubatan sebelum ditempatkan di Jabatan Patologi.

Kerap menghabiskan masa di bahagian forensik, beliau juga terdedah kepada pelbagai kes kematian termasuk mangsa kemalangan, lemas serta bunuh diri sehingga terpaksa hadir

di mahkamah untuk mengesahkan keputusan pemeriksaan mayat.

"Apabila saya menyambung pengajian ke peringkat sarjana di UKM, saya membuat keputusan untuk menyertai UPM sebagai pensyarah pelatih pada tahun kedua.

"Bagi saya, berada di makmal universiti membuka lebih banyak peluang untuk saya melakukan penyelidikan, pengajaran serta perkongsian bersama pelajar," jelasnya.

Pada 2009, Zamberi melanjutkan pengajian bagi sub-kepakaran dalam bidang Diagnostik Molekular di Burnet Institute, Melbourne, Australia selama setahun.

Lebih menarik, beliau juga menerima tawaran daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang memerlukan kepakaran untuk menaik taraf makmal perubatan di kawasan Pasifik Selatan yang berpusat di Suva, Fiji.

Bagi Zamberi, peluang

bekerja bersama WHO adalah pengalaman yang sangat menarik, sekali gus membina jaringan komunikasi pada peringkat antarabangsa.

Menyentuh peranan dimainkan (MSIDC), selaku presiden, Zamberi mengakui banyak usaha perlu dilakukan untuk mendidik golongan doktor serta masyarakat.

"Sebenarnya, kita dalam usaha mendidik golongan profesional mengenai pemberian antibiotik kepada pesakit. Ini kerana tidak semua penyakit memerlukan antibiotik termasuk penyakit disebabkan virus.

"Oleh kerana antibiotik diberi secara berlebihan, ia membuatkan bakteria imum terhadap antibiotik sekali gus memaksa kita mencari antibiotik yang lebih kuat, lantas memakan kos lebih tinggi," katanya.

Selain itu, pihaknya juga berdepan dengan isu vaksinasi membabitkan dua golongan, anti-vaksin dan orang dewasa yang tidak menyedari bahawa diri mereka seharusnya mengambil vaksin.

Mengakhiri pertemuan, Zamberi optimis usaha dilaksanakan MSIDC dengan Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi kempen kesedaran menerusi media massa, seminar, bengkel dan persidangan mampu memberi penerangan kepada masyarakat terhadap aspek kesihatan dipromosikan kerajaan.

## 10 tahun jauh di gula

### 1. Aktiviti masa lapang?

Melayari YouTube untuk menonton video berkaitan sejarah, perkembangan negara lain dan ceramah agama.

### 2. Aktiviti keluarga?

Makan angin ketika bercuti, baru-baru ini kami sekeluarga ke Jepun.

### 3. Tip kecergasan?

Saya mengamalkan senaman, menjaga pemakanan dan hampir 10 tahun saya tidak mengambil gula.

### 4. Impian zaman kanak-kanak?

Saya pernah bercita-cita menjadi juruterbang.

### 5. Pendorong?

Isteri dan keluarga.

### 6. Penceramah agama dikagumi?

Nouman Ali Khan.

### 7. Prinsip hidup?

Kita perlu sentiasa amanah dan jujur dalam memenuhi tanggungjawab diberikan. Pada masa sama, kita cuba mengikut kemampuan untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan.